

16 JUN 2002

MCA-Lim/I

LIM DAKWA PELAN DAMAI MCA TELAH DIPINDA

GENTING HIGHLANDS, 16 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek hari ini mendedahkan bahawa Agenda Damai dan Kestabilan yang disyorkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi parti itu telah dipinda.

Katanya cadangan asal yang beliau tandatangani di hadapan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebenarnya telah dipinda pada mesyuarat jawatankuasa pusat (CC) MCA pada 23 April.

Agenda damai itu bagaimanapun tidak ditandatangani oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MCA Pahang di Hotel Genting, di sini hari ini.

Rundingan antara kumpulan yang memihak kepada Dr Ling dan Lim dari 18 hingga 21 April telah dipengerusikan oleh Abdullah.

Lim berkata: "CC telah meminda agenda asal dan keputusan yang dicapai bukan sebulat suara."

Terdahulu, dalam ucapan perasmiannya, Lim berkata pelan asal berkenaan mencadangkan agar pemilihan parti ditangguhkan bagi membersihkan senarai keanggotaan parti dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi membincangkan isu berhubung keanggotaan parti yang dicadangkan oleh kumpulan itu dibatalkan.

"Itu adalah pelan yang ideal tapi kami tidak dapat apa yang kami mahu sekarang disebabkan oleh pelan damai itu. Kini, kami cuba menyediakan satu senarai (bagi pencalonan pemilihan parti), agar tidak perlu diadakan pertandingan," katanya.

Lim berkata pindaan itu dibuat untuk membolehkan pemilihan parti diadakan pada tahun ini dengan menggunakan hanya satu senarai keanggotaan serta mengekalkan status quo bagi kepimpinan parti dari peringkat bahagian hingga ke atas.

Di samping itu, katanya, jawatankuasa pusat juga mengambil keputusan mengenyahkan cadangan asal agar senarai keanggotaan parti dibersihkan daripada nama-nama mereka yang tidak berkenaan.

"Kita perlu patuh kepada keputusan jawatankuasa pusat. Lagipun, Perdana Menteri mahu agar diwujudkan tempoh untuk meredakan keadaan, jadi kita kena bekerja ke arah perpaduan parti sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang," kata Lim.

Beliau bagaimanapun berkata kumpulan itu tetap mahu agar senarai keanggotaan parti dibersihkan selepas pilihan raya umum nanti kerana ia merupakan satu-satunya cara untuk mewujudkan pemilihan parti secara bersih dan demokratik.

Ditanya sama ada Perdana Menteri bersetuju dengan pindaan yang dibuat terhadap pelan damai asal itu, Lim berkata "Saya tidak tahu, anda tanyalah Perdana Menteri mengenainya."

Menjawab soalan sama ada beliau telah memaklumkan kepada Perdana Menteri tentang pindaan yang telah dibuat terhadap pelan damai asal, Lim berkata: "Saya rasa pegawai beliau tentu telah memaklumkan kepadanya tentang perkara itu."

Lim berkata beliau telah berusaha untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir sejak beliau pulang dari lawatan ke Vatican, Switzerland dan Luxembourg tetapi belum berhasil disebabkan kesibukan Perdana Menteri.

Ditanya adakah pelan damai berkenaan termasuk perkara berhubung penggantian jawatan tertinggi parti, Lim berkata "maklumat mengenainya amat istimewa."

-- BERNAMA
AT HK SP RON